KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUSTICE
FEDERAL COURT
MALAYSIA

KHN.0042 Jld.2
27 Januari 2021

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA
BILANGAN 3 TAHUN 2021
PENYELESAIAN KES SAMAN TRAFIK MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3A Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*] yang diubah suai melalui Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 [*Akta 829*], saya mengeluarkan Arahan ini bagi menetapkan tatacara berhubung dengan penyelesaian kes saman trafik melalui teknologi komunikasi jarak jauh seperti yang berikut:

PEMAKAIAN ARAHAN

2. Arahan ini terpakai bagi pengendalian prosiding kes saman trafik melalui teknologi komunikasi jarak jauh di semua Mahkamah Majistret di seluruh Malaysia.

Istana Kehakiman, Aras 5, Presint 3, 62506 Putrajaya
Tel : 03-88803502 Fax : 03-88803507

TAFSIRAN

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Orang Kena Saman (OKS)" ertinya mana-mana orang yang menerima notis di bawah seksyen 53 atau seksyen 53A Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Bagi tujuan ini, OKS termasuklah pertubuhan perbadanan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 119A Akta 333;

"Sistem Pengakuan Salah Kes Trafik Dan Saman Jabatan Secara Dalam Talian (Sistem e-PG)" ertinya satu platform dalam sistem aplikasi Mahkamah yang digunakan untuk membuat pengakuan salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

PENYELESAIAN KES SAMAN TRAFIK MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH

4. Kaedah pengakuan salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh merupakan kaedah alternatif kepada prosiding sedia ada yang menghendaki OKS hadir secara fizikal ke Mahkamah. Kesalahan-kesalahan yang dibenarkan untuk OKS mengaku salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

5. Bagi membolehkan OKS membuat pengakuan salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh, OKS boleh membuat pengakuan salah melalui Sistem e-PG yang boleh diakses di

https://ecourt.kehakiman.gov.my bagi kes-kes yang didaftarkan di Mahkamah Majistret di Semenanjung Malaysia. Bagi kes-kes yang didaftarkan di Sabah dan Sarawak, Sistem e-PG boleh diakses di https://judiciary.kehakiman.gov.my.

PENGECUALIAN KEHADIRAN OKS KE MAHKAMAH

6. Sekiranya OKS memilih untuk membuat pengakuan salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh, kehadiran OKS ke Mahkamah adalah dikecualikan melainkan jika diarahkan oleh Mahkamah sebaliknya.

PENGECUALIAN PENGEMUKAAN FAKTA KES

7. Walau apa pun peruntukan undang-undang atau arahan yang dikeluarkan berhubung dengan perkara ini dan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 3 Akta 829, pengemukaan fakta kes oleh pihak pendakwaan bagi kes saman trafik yang melibatkan pengakuan salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh adalah dikecualikan.

TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING PENGAKUAN SALAH MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH

8. Tatacara pengendalian prosiding pengakuan salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh adalah sebagaimana dalam **LAMPIRAN B**.

9. Carta Alir tatacara pengendalian prosiding pengakuan salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh adalah sebagaimana dalam **LAMPIRAN C**.

10. Walau apa pun, pemakaian tatacara pengendalian prosiding pengakuan salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh dalam Sistem e-PG sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan ini adalah termasuk sebarang pengubahsuaian atau penambahbaikan kepada Sistem e-PG yang akan dijalankan dari semasa ke semasa.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

11. Arahan ini mula berkuat kuasa pada 2 Februari 2021 hingga 23 Oktober 2022.

TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT
Ketua Hakim Negara
Istana Kehakiman
Putrajaya

SALINAN KEPADA:

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No. 45, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Sabah & Sarawak
Kuching
Sarawak

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Yang Dipertua
Majlis Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Presiden
Sabah Law Society
Sabah

Presiden
Advocate Association of Sarawak
Sarawak

LAMPIRAN A

SENARAI KESALAHAN YANG DIBENARKAN UNTUK DIBUAT PENGAKUAN SALAH MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH

Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 133*]

Seksyen 6
Larangan bagi kenderaan motor yang tidak mematuhi kaedah-kaedah

Seksyen 7
Pendaftaran kenderaan motor dan pemunya

Seksyen 12
Pemeriksaan kenderaan motor dan pemberian maklumat kepada Ketua Pengarah

Seksyen 14
Memperagakan nombor pendaftaran

Seksyen 15(1)
Lesen kenderaan motor

Seksyen 20
Memperagakan lesen kenderaan motor

Seksyen 21
Lesen pelawat

Seksyen 22
Lesen perdagangan kenderaan motor

Seksyen 23(1), 23(2)
Kesalahan lain berkaitan dengan pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor

Seksyen 26
Lesen memandu

Seksyen 29
Ujian kekompetenan memandu

Seksyen 32
Penggantungan lesen memandu apabila hilang kelayakan

Seksyen 39
Sekatan ke atas pemanduan oleh orang muda

Seksyen 46
Memandu semasa menghidap penyakit atau ketidakdayaan

Seksyen 47
Menunggang di atas injak-injak dan menghalang pemandu

Seksyen 48
Galangan disebabkan kenderaan di jalan

Seksyen 49
Menunggang di belakang pemandu

Seksyen 50
Gangguan dan desakan menyalahi undang-undang

Seksyen 51
Mengambil kenderaan motor tanpa izin pemunya berdaftar

Seksyen 52
Kewajipan berhenti jika berlaku kemalangan

Seksyen 55
Kewajipan memberhentikan kenderaan apabila diminta

Seksyen 56
Lesen vokasional

Seksyen 57
Lesen vokasional bagi kenderaan barangan dan kenderaan pekerja

Seksyen 58
Kewajipan mengemukakan lesen memandu dan perakuan insurans

Seksyen 58A
Memaklumkan pertukaran alamat

Seksyen 59
Kuasa melarang penggunaan kenderaan

Seksyen 63
Kehendak penimbangan kenderaan

Seksyen 66D
Mempamerkan perakuan pemeriksaan

Seksyen 66H
Permit masuk kenderaan motor asing

Seksyen 70
Kuasa menyekat penggunaan kenderaan pada jalan tertentu

Seksyen 72
Mengadakan tempat letak kereta dan tempat perhentian

Seksyen 75
Lintasan pejalan kaki

Seksyen 76
Kewajipan pejalan kaki mematuhi arahan lalu lintas

Seksyen 77
Mendirikan isyarat lalu lintas

Seksyen 78
Kuasa mengadakan sekatan jalan

Seksyen 79
Penalti kerana mengabaikan arahan dan isyarat lalu lintas

Seksyen 80
Tali, dsb., melintangi jalan

Seksyen 86
Sekatan bagi kenderaan di atas jambatan

Seksyen 98
Kewajipan untuk memberi maklumat yang perlu kepada pihak ketiga

Seksyen 102
Penyerahan balik perakuan disebabkan pembatalan polisi

Seksyen 103
Pengemukaan perakuan

Seksyen 110
Penalti kerana galangan dan gangguan

Seksyen 114
Kuasa pegawai pengangkutan jalan dalam penyiasatan

LAMPIRAN B

TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING KES SAMAN TRAFIK MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH

A. Sebelum Prosiding Pengakuan Salah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh

1. OKS yang telah menerima notis di bawah seksyen 53 atau seksyen 53A Akta 333 boleh, pada tarikh yang ditetapkan dalam saman, memilih untuk membuat pengakuan salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh iaitu melalui Sistem e-PG sebelum jam 3.00 petang.

2. OKS hanya boleh mengakses Sistem e-PG bagi prosiding pengakuan salah bagi satu saman sahaja dalam satu-satu masa. OKS perlu membuat pengakuan salah bagi setiap pertuduhan.

3. OKS boleh mengakses masuk ke dalam Sistem e-PG di https://ecourt.kehakiman.gov.my bagi kes-kes yang didaftarkan di Mahkamah Majistret di Semenanjung Malaysia atau di https://judiciary.kehakiman.gov.my bagi kes-kes yang didaftarkan di Sabah dan Sarawak.

4. OKS hendaklah memasukkan butiran yang berikut ke dalam Sistem e-PG:

(a) nombor kad pengenalan OKS;

(b) nombor notis di bawah seksyen 53 atau seksyen 53A Akta 333 (nombor saman); dan

(c) alamat e-mel OKS.

5. Notifikasi yang mengandungi kod pengesahan (*One Time Pin* "OTP") akan dihantar ke alamat e-mel OKS tersebut jika nombor saman tersebut telah didaftarkan oleh pihak pendakwaan di Mahkamah.

6. OKS perlu memasukkan kod pengesahan serta CAPTCHA dalam Sistem E-PG untuk meneruskan langkah selanjutnya.

B. Semasa Prosiding Pengakuan Salah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh

7. Dalam prosiding pengakuan salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh, kertas pertuduhan terhadap OKS serta hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang akan dipaparkan dalam Sistem e-PG dan OKS dikehendaki—

(a) mengisi borang pengakuan salah;

(b) menyatakan faktor peringanan hukuman (jika ada); dan

(c) membuat aku janji untuk membayar denda sekiranya Mahkamah menjatuhkan hukuman denda.

8. OKS hendaklah mengetik butang "hantar pengakuan salah" (*submit guilty plea*) untuk membuat pengakuan salah tersebut. OKS pada bila-bila masa sebelum membuat pengakuan salah ini boleh menghentikan prosiding pengakuan salahnya dan hadir secara fizikal ke Mahkamah. OKS bertanggungjawab untuk menghubungi Mahkamah yang berkenaan bagi menyemak tarikh sebutan baharu.

9. Sistem e-PG akan—

(a) menghantar makluman pengakuan salah tersebut kepada Majistret melalui teknologi komunikasi jarak jauh; dan

(b) menjana notifikasi memaklumkan mengenai prosiding tersebut kepada pihak pendakwaan di alamat e-mel yang telah ditentukan.

10. Apabila menerima notifikasi tersebut, pihak pendakwaan hendaklah dalam tempoh tiga (3) hari memaklumkan Mahkamah bahawa pihak pendakwaan—

(a) akan membuat hujahan terhadap faktor pemberatan hukuman; atau

(b) tidak membuat hujahan tersebut.

11. Jika pihak pendakwaan tidak membuat hujahan terhadap faktor pemberatan hukuman, Majistret hendaklah—

    (a) mensabitkan OKS dengan kesalahan dan menjatuhkan hukuman denda melalui teknologi komunikasi jarak jauh menerusi Sistem e-PG; atau

    (b) memerintahkan OKS untuk hadir secara fizikal ke Mahkamah terbuka pada suatu tarikh sebutan yang dimaklumkan menerusi Sistem e-PG sekiranya pada pandangan Majistret hukuman yang bersesuaian untuk dijatuhkan adalah selain denda dan proses pengakuan salah menerusi Sistem e-PG adalah terhenti dan tamat. Satu notifikasi akan dijana oleh Sistem e-PG untuk memaklumkan tarikh sebutan tersebut kepada OKS dan juga pihak pendakwaan.

12. Sekiranya pihak pendakwaan akan membuat hujahan pemberatan terhadap hukuman, Majistret hendaklah menetapkan suatu tarikh sebutan baharu bagi membolehkan OKS dan pihak pendakwaan hadir secara fizikal ke Mahkamah dan proses pengakuan salah menerusi Sistem e-PG adalah terhenti dan tamat. Satu notifikasi akan dijana oleh Sistem e-PG untuk memaklumkan tarikh sebutan tersebut kepada OKS dan juga pihak pendakwaan.

13. Jika OKS gagal hadir pada tarikh sebutan yang ditetapkan, Majistret hendaklah mengambil tindakan yang perlu untuk memastikan kehadiran OKS ke Mahkamah termasuk mengeluarkan waran tangkap.

C. Selepas Prosiding Pengakuan Salah

14. Bagi hukuman denda yang telah dijatuhkan menerusi Sistem e-PG, pembayaran denda hendaklah dibuat dalam Sistem e-PG dalam tempoh masa (7) tujuh hari daripada tarikh hukuman dijatuhkan kepada OKS melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

15. Resit pembayaran akan dijana oleh Sistem e-PG setelah transaksi pembayaran berjaya diterima oleh Mahkamah dan akan dihantar kepada OKS melalui e-mel. OKS hendaklah memaklumkan Mahkamah sekiranya tidak menerima resit bayaran tersebut.

16. Sistem e-PG akan menghantar notis kepada agensi penguatkuasaan untuk memaklumkan bahawa transaksi pembayaran denda oleh OKS telah berjaya dan prosiding pengakuan salah OKS telah selesai.

17. Keseluruhan proses pengakuan salah menerusi Sistem e-PG adalah terbatal sekiranya terdapat masalah teknikal semasa proses pembayaran denda melalui teknologi komunikasi jarak jauh tersebut yang menyebabkan transaksi pembayaran gagal disempurnakan. Satu notifikasi akan dijana oleh Sistem e-PG untuk memaklumkan OKS dan pihak pendakwaan mengenai perkara ini dan tarikh sebutan akan diberikan bagi menghendaki OKS hadir secara fizikal ke Mahkamah bagi membuat pengakuan salah.

18. Jika OKS gagal membuat pembayaran dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh hukuman dijatuhkan kepada OKS melalui Sistem e-PG, Majistret hendaklah menetapkan suatu tarikh sebutan baharu bagi membolehkan OKS dan pihak pendakwaan hadir secara fizikal

ke Mahkamah. Satu notifikasi akan dijana oleh Sistem e-PG untuk memaklumkan tarikh tersebut kepada OKS dan juga pihak pendakwaan. Jika OKS gagal hadir pada tarikh sebutan yang ditetapkan, Majistret hendaklah mengambil tindakan yang perlu untuk memastikan kehadiran OKS ke Mahkamah termasuk mengeluarkan waran tangkap.

19. Mahkamah boleh membenarkan OKS yang hadir secara fizikal ke Mahkamah pada tarikh sebutan yang diarahkan untuk menarik balik pengakuan salah melalui teknologi komunikasi jarak jauh dan membicarakan serta memutuskan kes tersebut di Mahkamah terbuka.

LAMPIRAN C

CARTA ALIR TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING KES SAMAN TRAFIK MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH